



6 Disember 2021  
6 December 2021  
P.U. (B) 623

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 15(4)

### *NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 15(4)*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 15(4)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976) 2010 [P.U. (A) 62/2010], Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan telah meluluskan suatu draf rancangan tempatan yang dikenali sebagai Rancangan Tempatan Presint 5, 6 dan 20 Putrajaya (Pengubahan) 2025 dan telah mula berkuat kuasa pada 20 Mei 2021.

2. Perbadanan Putrajaya sebagai pihak berkuasa perancang tempatan telah menerima pakai rancangan tempatan ini bersama dengan tanda yang boleh dikenal pasti sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.
3. Rancangan tempatan ini boleh diperiksa di Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya pada waktu yang berikut:

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi hingga 12.45 tengah hari
	-	2.00 petang hingga 5.00 petang
Jumaat	-	8.30 pagi hingga 12.15 tengah hari
	-	2.45 petang hingga 5.00 petang